

**KUMPULAN MODAL
BUMIPUTERA YANG KETUJUH**

1
2
3
4
5
6
7
8
9
10
11
12
13
14
15
16
17
18
19
20
21
22
23
24
25
26
27
28
29
30
31
32
33
34
35
36
37
38
39
40
41
42
43
44
45
46
47
48
49
50
51
52
53
54
55
56
57
58
59
60
61
62
63
64
65
66
67
68
69
70
71
72
73
74
75
76
77
78
79
80
81
82
83
84
85
86
87
88
89
90
91
92
93
94
95
96
97
98
99
100

**LAPORAN TAHUNAN
BERAKHIR
15 FEBRUARI 2008**

ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD
(256439-D)
Tingkat Bawah, Wisma ASMB
No. 1A, Jalan Lumut
Peti Surat 10701
50722 Kuala Lumpur

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Pengurus ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD (256439-D)

Ibu Pejabat Tingkat Bawah, Wisma ASMB, No. 1A, Jalan Lumut
Peti Surat 10701, 50722 Kuala Lumpur
Tel: (03) 4041-7199 Faks: (03) 4042-6511
E-mel: asmis@asmb.com.my
Laman Web: www.asmb.com.my/uniTrust/corp_profile.htm

**Pengarah-
Pengarah
Syarikat
Pengurusan** YBhg. Datuk Zamani bin Md. Noor - Pengerusi
YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed
YBhg. Dato' Sri Hj Abd Rahim bin Hj Abdul
YBhg. Prof. Dr. Faridah bt Hj Hassan
Tuan Hj. Mohamed Hisham bin Che Abdul Ghani
Encik Mansoor bin Ahmad
Encik Izaddeen bin Daud (*Berkuatkuasa 1 Disember 2007*)

**Ketua
Pegawai
Eksekutif** Encik Izaddeen bin Daud

**Setiausaha-
Setiausaha** Puan Shahrizat bt Othman (MAICSA NO.0764744)
Puan Zaharah bt Ibrahim (MAICSA NO. 7012004)

**Jawatankuasa
Pelaburan** YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed
Encik Hassan bin Jaafar
Encik Wan Abdul Rahman bin Wan Abu Samah
Encik Mansoor bin Ahmad
Encik Izaddeen bin Daud

**Pemegang
Amanah** Amanah Raya Berhad (344986-V)
Tingkat 10, Wisma AmanahRaya
No. 2, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2055-7388

Juruaudit Ahmad Abdullah & Goh (AF-0381)
Suite 701, Tingkat 7
Wisma Hangsam
Jalan Hang Lekir
50000 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2070-4408

Kandungan	Muka Surat
Laporan Pengurus	3 - 10
Pernyataan Pengurus	11
Laporan Juruaudit	12
Pernyataan Pemegang Amanah	13
Penyata Kewangan	14 - 28
Pencapaian Dana Bagi Jangkamasa 3 Tahun	29 - 30
Asas Pengiraan Maklumat Prestasi Dan Pencapaian Dana	31 - 32
Maklumat Tambahan	33 - 34
Maklumat Jaringan Perniagaan	35 - 36
Maklumat Perhubungan Pelabur	37
Borang Pertukaran Alamat	38

LAPORAN PENGURUS

Bagi dua belas (12) bulan berakhir 15 Februari 2008 (16 Februari 2007 hingga 15 Februari 2008).

Profil Tabung

Tabung ini telah dilancarkan pada 28 Disember 1972 sebagai Kumpulan Modal Bumiputra Yang Ketujuh (Perolehan), khas untuk Bumiputera dan akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Kategori Tabung

Dana Ekuiti.

Jenis Tabung

Pertumbuhan dan Pendapatan.

Saiz Tabung (yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti)

20.0 juta unit.

Objektif Tabung



Objektif utama Tabung anda ialah untuk memberi peluang kepada pelabur-pelabur menikmati pulangan yang berpatutan secara berterusan dan mencapai pertumbuhan modal (jika ada) dalam tempoh sederhana hingga panjang.

Semenjak dilancarkan, Tabung anda telah menunjukkan peningkatan nilai modal sebanyak 14.5% berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) RM1.1454 seunit (selepas penyesuaian unit pecahan) pada 15 Februari 2008 berbanding RM1.00 seunit ketika dilancarkan, manakala pengagihan tunai Tabung sejak ditubuhkan berjumlah RM4.2019 seunit (selepas penyesuaian unit pecahan). Ini memberikan purata pulangan tahunan semenjak penubuhan Tabung sebanyak 12.4%, selaras dengan objektif Tabung.

Analisa Prestasi Tabung

Bandingan Prestasi Tabung dengan Tanda Aras

Tanda aras yang digunakan bagi perbandingan prestasi Tabung adalah Indeks Komposit Kuala Lumpur (IK KL). Prestasi Tabung ini berbanding IK KL bagi tahun kewangan berakhir 15 Februari 2008 adalah seperti berikut:-



Prestasi Kewangan Tabung

	15/02/2008 (RM)	15/02/2007 (RM)	% Perubahan
Dividen kasar	118,250	128,275	(7.8)
Faedah	28,142	22,389	25.7
Faedah dari Sekuriti Pendapatan Tetap Tersiarharga	-	1,659	-
Keuntungan/(Kerugian) Dari Jualan Pelaburan	407,462	(249,519)	263.3
Pendapatan Pelbagai	31	-	-
Jumlah Pendapatan	553,885	(97,196)	669.9
Tolak: Perbelanjaan & Cukai	112,913	102,731	9.9
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai	440,972	(199,927)	320.6

Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/IK KL

	15/02/2008	15/02/2007	% Perubahan
Unit Dalam Edaran	4,787,000	5,025,900	(4.8)
Nilai Aset Bersih (RM)	4,415,092	4,687,898	(5.8)
Nilai Aset Bersih/Unit (RM) - xD	0.9223	0.9327	(1.1)
IK KL	1,427.19	1,258.63	13.4

Jumlah Pulangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 15 Februari 2008

* Pertumbuhan Modal/Unit		Pulangan Pendapatan (bersih)/Unit		* Jumlah Pulangan/Unit	
(sen)	(%)	(sen)	(%)	(sen)	(%)
(1.04)	(1.11)	3.50	3.75	2.46	2.64

* Selepas pengagihan pendapatan

Pada 15 Februari 2008, unit di dalam edaran merosot sebanyak 4.8% berbanding tahun lepas. Sehubungan itu, NAB Tabung juga menunjukkan penurunan sebanyak 5.8%.

NAB seunit meningkat sebanyak RM0.0246 dari RM0.9327 kepada RM0.9573 (cD) menunjukkan jumlah pulangan positif 2.64%. (*Sila rujuk muka surat 31 - 32 bagi asas pengiraan*). Pengagihan tunai sebanyak 3.50 sen (bersih) seunit memberi pulangan pendapatan sebanyak 3.75% kepada pelabur-pelabur dalam jangkamasa tersebut. IK KL yang dijadikan tanda aras bandingan prestasi Tabung pula mencatat pulangan sebanyak 13.4% sepanjang tempoh yang sama.

Polisi Dan Strategi Pelaburan


Polisi pelaburan Tabung anda ialah untuk melabur di dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan merangkumi ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap.

Pengurus Tabung mengambil sikap berhati-hati dan menyelaraskan pendedahan ekuiti tidak melebihi 75% sejajar dengan senario pasaran tempatan dan serantau yang tidak menentu. Aktiviti-aktiviti penjualan tertumpu kepada aktiviti pengambilan untung berdasarkan kekuatan pasaran. Aktiviti-aktiviti pembelian pula dijangka dilakukan pada paras pasaran yang rendah untuk mengambil kesempatan terhadap susut nilai saham-saham syarikat yang sebenarnya berpotensi dan berdaya maju, yang mempunyai kedudukan kewangan yang mantap, urustadbir korporat yang berwibawa dan jangkaan perolehan yang tinggi.


Pengagihan Aset-Aset Tabung

Dalam tempoh setahun, Pengurus Tabung telah mengurangkan pelaburan di pasaran ekuiti, menjadikan purata pendedahan pelaburan sebanyak 75.5%.

Pengagihan Aset KMB7 Pada 15/02/2008



Pengagihan Aset KMB7 Pada 15/02/2007




Prestasi Instrumen Pelaburan

Pecahan pulangan mengikut kelas aset adalah seperti berikut:-

PECAHAN PULANGAN SEUNIT MENGIKUT KELAS ASET						
	15 Feb 2008	15 Feb 2007	Naik/ (Turun)	Purata Pendedahan Pelaburan	Purata Pulangan	Pecahan Kepada Jumlah Pulangan (%)
	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	
Ekuiti	75.1	75.9	(1.1)	75.5	5.2	3.9
Instrumen pasaran wang, dan lain-lain	24.9	24.1	3.3	24.5	2.5	0.6
Perbelanjaan						(1.9)
Jumlah Pulangan						2.6

Pengurus Tabung telah membuat pelaburan di pasaran ekuiti sebanyak 75.1% pada akhir tahun kewangan dan telah mencatatkan purata pulangan yang positif iaitu sebanyak 5.2%. Pelaburan dalam instrumen pasaran wang dan lain-lain bentuk pelaburan pula hanya mencatat nisbah purata hasil pendapatan sebanyak 2.5% untuk jangkamasa yang sama.

SUASANA BURSA SAHAM TEMPATAN



Sentimen para pelabur terus positif sejak awal tahun 2007 apabila IK KL menunjukkan tanda-tanda peningkatan yang disokong oleh kemasukan dana-dana asing. Pada masa yang sama, nilai ringgit juga semakin kukuh kepada RM3.4960 pada 15 Februari 2007 berbanding USD1.

IK KL pada bulan Jun berjaya mencatatkan peningkatan tertinggi iaitu pada paras 1,392 mata pada 22 Jun 2007. Walau bagaimanapun, sentimen yang positif ini tidak kekal apabila pasaran saham kembali suram pada minggu terakhir Jun berikutan pasaran *Wall Street* yang kembali tidak bermaya ekoran daripada sentimen para pelabur yang tidak menentu sementara menunggu mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) yang bakal diadakan pada akhir bulan Jun.

Pasaran saham serantau berada di dalam keadaan tidak menentu pada bulan Julai 2007 ekoran sentimen yang tidak bermaya di pasaran *Wall Street*. Ini secara langsung memberi kesan negatif kepada pasaran tempatan yang mengalami kemerosotan pada separuh pertama bulan Julai 2007 disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pengambilan untung oleh para pelabur. Walau bagaimanapun, IK KL kembali cergas untuk melonjak naik pada minggu ketiga dan mencatatkan rekod tertinggi iaitu 1,392.18 mata pada 24 Julai 2007.

Pada bulan Disember 2007, IK KL mencatatkan peningkatan pada paras tertinggi bagi tahun 2007 dan berjaya melonjak kepada 1,447.04 mata pada 28 Disember 2007. Prestasi pasaran yang kukuh ini dirangsang oleh aktiviti-aktiviti memperelok akaun akhir tahun di kaunter-kaunter berwajaran berat. Walau bagaimanapun, jumlah dagangan adalah sederhana memandangkan kebanyakan Pengurus Tabung bercuti sempena cuti hujung tahun. Manakala, pembeli runcit enggan memasuki pasaran ekoran momentum pembelian yang rendah dan sentimen yang kurang memberangsangkan dalam saham-saham bernilai rendah.

Pada bulan Januari 2008, IK KL turun 3.6% untuk ditutup pada 1,393.33 mata. Pada separuh pertama bulan itu, prestasi kukuh yang berterusan dalam sektor perladangan telah memacu IK KL kepada paras tertinggi terbaru iaitu 1,516.22 mata (11 Januari). Namun, pada separuh kedua, kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) mengakibatkan IK KL turun kepada 1,354.48 mata (22 Januari), sejajar dengan prestasi ekuiti global. IK KL pulih sedikit pada akhir bulan disebabkan sentimen pelabur yang positif selepas Rizab Persekutuan AS menurunkan kadar faedah sebanyak dua kali, iaitu sebanyak 75 dan 50 mata asas yang masing-masing adalah pada 22 dan 30 Januari 2008. Ini telah menyebabkan kadar Tabung Persekutuan menurun kepada 3%. Walau bagaimanapun, IK KL meningkat sedikit pada separuh pertama bulan Februari ekoran pengumuman Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku keempat 2007 yang meningkat kepada 7.3%.

Suasana Pasaran Wang

Pada tempoh 1 Januari 2008 hingga 26 Februari 2008, kadar antara bank semalaman purata wajaran harian bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatifnya stabil. Kadar Deposit Tetap (FD) purata bank perdagangan terus tidak berubah pada bulan tersebut. Pada 15 Februari 2008, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 3.08% dan 3.70%. Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, Kadar Pinjaman Asas (BLR) purata tidak berubah pada 6.72%, manakala Kadar Pinjaman Purata (ALR) lebih rendah sedikit pada 6.27% pada bulan Januari (Disember 2007: 6.29%).

Kadar Inflasi menjadi agak sederhana kepada 2.3% dalam bulan Januari 2008 (Disember 2007: 2.4%) disebabkan kadar kenaikan harga barangan dalam kategori makanan dan minuman tidak beralkohol menjadi sederhana kepada 3.9% (Disember 2007: 4.2%) berikutan penurunan harga sayuran dan kenaikan harga ikan dan makanan laut; minyak dan lemak; serta buah-buahan yang lebih perlahan.

(Sumber: Bank Negara Malaysia)

Pengagihan Pendapatan

Berdasarkan kepada pendapatan Tabung semasa, Pengurus dengan persetujuan Pemegang Amanah telah mengisytiharkan pengagihan tunai sebanyak 3.50 sen (bersih) seunit kepada semua pemegang-pemegang unit yang berdaftar pada 15 Februari 2008. Pengagihan tunai tersebut akan dibayar pada atau sebelum 15 April 2008.

Kesan Daripada Pengagihan Pendapatan

Pengisytiharan pengagihan pendapatan telah menurunkan NAB Tabung seunit dari RM0.9573 kepada RM0.9223.

	Sebelum Pengagihan Pendapatan (cD)		Selepas Pengagihan Pendapatan (xD)	
* Nilai Aset Bersih	RM	0.9573	RM	0.9223

Harga Urusniaga Unit Pada 15 Februari 2008

	Sebelum Pengagihan Pendapatan (cD)		Selepas Pengagihan Pendapatan (xD)	
* Nilai Aset Bersih	RM	0.9573	RM	0.9223

* Melalui Kaedah Harga Tunggal (SPR), penjualan dan pembelian balik bersamaan NAB seunit.

Kedudukan Pegangan Unit Oleh Pemegang-Pemegang Unit Pada 15 Februari 2008

Saiz Pegangan Unit	Jumlah Pemegang Unit	%	Jumlah Unit Dipegang *	%
1,000 dan ke bawah	1,755	67.16	765,885.17	16.0
1,001 - 5,000	724	27.71	1,417,860.55	29.7
5,001 - 10,000	83	3.18	570,329.73	12.0
10,001 - 50,000	44	1.68	777,285.03	16.3
50,001 - 500,000	6	0.23	580,741.20	12.2
500,001 dan ke atas	1	0.04	657,503.52	13.8
Jumlah	2,613	100.00	4,769,605.20	100.00

* Nota: Tidak termasuk unit Pengurus

Kepentingan Pemegang-Pemegang Unit

Di dalam tahun kewangan ini, tiada sebarang kejadian yang menjejaskan kepentingan pemegang-pemegang unit selain dari urusan-ususniaga yang dijalankan selaras dengan Suratikatan Amanah, Garispanduan Tabung Unit Amanah, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

Rebet dan Komisen Tidak Langsung

Pengurus atau Pemegang Amanah tidak dibenarkan menerima sebarang rebet atau komisen dari broker/dealer sebagai imbuhan bagi urusan-ususniaga pelaburan. Sekiranya ada, imbuhan ini perlu disalurkan ke dalam akaun Tabung.

Sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 15 Februari 2008, Pengurus Tabung tidak menerima sebarang imbuhan daripada broker/dealer selain daripada laporan ataupun material penyelidikan yang berkaitan dengan ekonomi, pasaran saham mahupun analisa penyelidikan terhadap sesuatu syarikat yang tersenarai ataupun hendak disenaraikan di Bursa Malaysia, yang mana digunakan untuk rujukan penyelidikan pelaburan.

PERNYATAAN PENGURUS

**Kepada Pemegang-Pemegang Unit
KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KETUJUH**

Kami sebagai Pengarah-Pengarah kepada ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD selaku Pengurus KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KETUJUH berpendapat penyata kewangan yang dibentangkan memberikan maklumat dan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Tabung pada 15 Februari 2008, pergerakan nilai aset bersih, hasil kendalian aset serta aliran tunai Tabung untuk tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Untuk dan bagi pihak
ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD
Selaku Pengurus, Kumpulan Modal Bumiputera Yang Ketujuh

MANSOOR BIN AHMAD
Pengarah

DATO' KAMARUDDIN BIN MOHAMMED
Pengarah

KUALA LUMPUR
19 Mac 2008

LAPORAN JURUAUDIT

Kepada Pemegang-Pemegang Unit KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KETUJUH

Kami telah mengaudit penyata kewangan dan jadual yang dibentangkan yang mana penyediaannya adalah tanggungjawab pengurus Tabung. Tanggungjawab kami adalah untuk memberi pendapat ke atas penyata kewangan berdasarkan pengauditan kami.

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi satu pendapat yang bebas berdasarkan pengauditan kami ke atas penyata kewangan dan dengan tiada tujuan lain untuk membuat laporan berkenaan pendapat kami sebagai satu badan kepada anda, menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak yang lain bagi kandungan laporan ini.

Kami telah melaksanakan pengauditan menurut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian-piawaian ini mengkehendaki kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan yang dianggap perlu bagi menyediakan bukti-bukti yang mencukupi untuk kami mendapatkan kepastian yang munasabah samada penyata kewangan adalah bebas dari salah nyata yang ketara. Pengauditan termasuk melibatkan pemeriksaan secara semak uji, bukti-bukti berkaitan kepada amaun-amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Pengauditan juga termasuk penilaian ke atas prinsip-prinsip penyata kewangan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh pengurus dan penilaian ke atas kecukupan pendedahan maklumat di dalam penyata kewangan. Kami berpendapat pengauditan kami menyediakan asas yang munasabah untuk kami memberi pendapat.

Pada pendapat kami, penyata kewangan dan nota-nota yang dibentangkan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah melainkan penilaian pelaburan dan memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan keadaan urusan Tabung pada 15 Februari 2008, pergerakan nilai aset bersih dan hasil serta aliran tunai Tabung untuk tahun berakhir pada tarikh itu.

Jadual yang dibentangkan telah diambil terutamanya dari rekod perakaunan dan lain-lain rekod Tabung yang telah dikenakan ujian-ujian dan lain-lain tatacara audit sewaktu pemeriksaan kami ke atas penyata kewangan Tabung untuk tahun berakhir 15 Februari 2008. Pada pendapat kami, pada keseluruhannya maklumat itu telah dibentangkan dengan saksama jika dipandang dari semua segi penting berkenaan dengan penyata kewangan itu.

AHMAD ABDULLAH & GOH AF-0381
Akauntan Bertauliah
KUALA LUMPUR

19 Mac 2008

PERNYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KETUJUH

Kami, AMANAH RAYA BERHAD bertindak selaku Pemegang Amanah kepada KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KETUJUH bagi tahun kewangan berakhir 15 Februari 2008. Pada pendapat kami, ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD, selaku Pengurus KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KETUJUH telah mengurus tabung berkenaan selaras dengan had-had kuasa pelaburan. Kami juga berpendapat bahawa pihak ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD telah mengawalselia tabung mengikut Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa bagi tahun kewangan berakhir 15 Februari 2008.

Kami juga berpendapat bahawa:

- a) Prosedur dan proses yang digunakan oleh syarikat pengurusan untuk menilai dan/atau menentukan harga unit tabung tersebut adalah mencukupi dan bahawa nilai/nilaian/harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- b) Jualan, belian balik, penjadian dan perlucutan unit berkenaan adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- c) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KETUJUH adalah selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk dan bagi pihak
AMANAH RAYA BERHAD

DATO' DUSUKI AHMAD
Pengerusi

KUALA LUMPUR
2 April 2008

PENYATA KEWANGAN

LEMBARAN IMBANGAN PADA 15 FEBRUARI 2008

	NOTA	2008 RM	2007 RM
PELABURAN	4		
SAHAM TERSIARHARGA		3,314,824	3,555,750
SIMPANAN WANG JANGKA PENDEK	5	667,493	557,296
		3,982,317	4,113,046
LAIN-LAIN ASET			
WANG DI BANK		548,090	225,554
TERHUTANG OLEH BROKER SAHAM		-	338,836
LAIN-LAIN SIBERHUTANG		57,522	7,739
TUNTUTAN CUKAI		25,143	57,367
		630,755	629,496
JUMLAH ASET		4,613,072	4,742,542
LIABILITI			
TERHUTANG KEPADA PENGURUS		2,809	2,834
TERHUTANG KEPADA PEMEGANG AMANAH		187	188
LAIN-LAIN SIPIUTANG		1,840	1,840
PENGAGIHAN	6	167,545	-
PERUNTUKAN CUKAI		25,599	49,782
		197,980	54,644
JUMLAH LIABILITI		197,980	54,644
NILAI ASET BERSIH	7	4,415,092	4,687,898
KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT			
MODAL UNIT BERSIH	8	5,605,669	5,915,815
RIZAB BELUM DIREALISASI	9	380,835	693,362
KERUGIAN TERKUMPUL		(1,571,412)	(1,921,279)
		4,415,092	4,687,898
UNIT DALAM EDARAN	8	4,787,000	5,025,900
NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM) - XD		0.9223	0.9327

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 FEBRUARI 2008**

	<u>NOTA</u>	<u>2008</u> RM	<u>2007</u> RM
PENDAPATAN			
DIVIDEN KASAR		118,250	128,275
FAEDAH		28,142	22,389
FAEDAH DARI SEKURITI PENDAPATAN TETAP TERSIARHARGA		-	1,659
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) DARI JUJALAN PELABURAN		407,462	(249,519)
PENDAPATAN PELBAGAI		31	-
		553,885	(97,196)
PERBELANJAAN			
YURAN PENGURUS	10	70,010	59,450
YURAN PEMEGANG AMANAH	11	4,667	3,963
YURAN AUDIT		1,200	1,200
YURAN AGEN CUKAI		640	640
PERBELANJAAN PENTADBIRAN		10,554	14,418
		87,071	79,671
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI			
		466,814	(176,867)
CUKAI	12	(25,842)	(23,060)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI			
		440,972	(199,927)
PENGAGIHAN: (AKHIR) 3.50 SEN (BERSIH) (KASAR 4.04 SEN) SEUNIT [2007: TIADA PENGAGIHAN TUNAI]	6	(167,545)	-
		273,427	(199,927)
PENGIMBANGAN AGIHAN		76,440	(28,248)
		349,867	(228,175)
BAKI KERUGIAN TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN			
		(1,921,279)	(1,693,104)
BAKI KERUGIAN TERKUMPUL DIHANTAR KE HADAPAN			
		(1,571,412)	(1,921,279)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI TERHASIL OLEH:			
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) DIREALISASI		440,972	(199,927)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BELUM DIREALISASI		-	-
		440,972	(199,927)

**PENYATA PERUBAHAN PADA NILAI ASET BERSIH
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 FEBRUARI 2008**

	<u>2008</u> RM	<u>2007</u> RM
Nilai Aset Bersih pada awal tahun	4,687,898	3,770,492
Penjadian unit dalam tahun	-	156,855
	4,687,898	3,927,347
Perlucutan unit dalam tahun	(310,146)	(65,484)
	4,377,752	3,861,863
Keuntungan/(Kerugian) direalisasi dalam tahun	440,972	(199,927)
Pengimbangan agihan	76,440	(28,248)
Pengagihan: (akhir) 3.50 sen (bersih) (kasar 4.04 sen) seunit [2007:Tiada pengagihan tunai]	(167,545)	-
	349,867	(228,175)
(Penurunan)/Peningkatan nilai pasaran dalam tahun	(312,527)	1,054,210
Nilai Aset Bersih pada akhir tahun	4,415,092	4,687,898

**PENYATA ALIRAN TUNAI
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 FEBRUARI 2008**

	<u>2008</u> RM	<u>2007</u> RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN DAN OPERASI		
Perolehan dari penjualan pelaburan	3,447,621	2,478,812
Pembelian pelaburan	(2,772,925)	(2,813,896)
Dividen diterima	49,709	100,826
Faedah diterima	29,130	22,761
Faedah dari sekuriti pendapatan tetap tersiarharga	-	1,659
Yuran pengurusan telah dijelaskan	(70,035)	(59,048)
Yuran Pemegang Amanah telah dijelaskan	(4,669)	(3,936)
Yuran audit telah dijelaskan	(1,200)	(1,200)
Yuran agen cukai telah dijelaskan	(640)	(640)
Bayaran dividen tidak dituntut	-	(342)
Perbelanjaan pentadbiran	(10,553)	(14,418)
Tunai bersih dari/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan dan operasi	666,438	(289,422)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	-	161,662
Agihan telah dijelaskan	-	(247,170)
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit	(233,705)	(45,056)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(233,705)	(130,564)
LEBIHAN/(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK	432,733	(419,986)
TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK PADA AWAL TAHUN	782,850	1,202,836
TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK PADA AKHIR TAHUN	1,215,583	782,850
TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK		
Wang di bank	548,090	225,554
Simpanan wang jangka pendek	667,493	557,296
	1,215,583	782,850

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 15 FEBRUARI 2008

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

Kumpulan Modal Bumiputera Yang Ketujuh diuruskan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD telah dilancarkan pada 28 Disember 1972 akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut peruntukan Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Aktiviti utama Kumpulan Modal Bumiputera Yang Ketujuh ialah urusniaga sekuriti bolehpasas di mana pelaburan dibuat di dalam "Pelaburan Yang Dibenarkan" sebagaimana yang didefinisikan di bawah Klausa 1 di dalam Suratikatan Amanah dan tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti dari semasa ke semasa. Ini termasuk sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan di dalam instrumen pasaran kewangan yang diluluskan.

Pengurus adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Amanah Saham Mara Berhad. Aktiviti utama Pengurus ialah pengurusan Tabung-Tabung Unit Amanah dan Dana Korporat.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Operasi Tabung Unit Amanah ini adalah terdedah kepada beberapa risiko yang mana antara lainnya termasuklah risiko pasaran, risiko kecairan, risiko spesifik dan risiko kadar faedah. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui sistem kawalan dalaman serta sekatan-sekatan pelaburan yang digariskan di dalam Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

(a) Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah melalui ketidakpastian dalam harga pasaran yang dipengaruhi oleh perubahan dalam persekitaran pasaran termasuk perubahan ekonomi secara global, peraturan, politik dan kadar faedah. Unit Amanah menguruskan risiko pasaran melalui garispanduan dan polisi pelaburan yang disediakan serta strategi kepelbagaian pengagihan portfolio aset Tabung.

(b) Risiko Kecairan

Unit Amanah menguruskan aliran tunai dengan menempatkan sebahagian tunai dalam simpanan jangka pendek dengan memastikan pulangan yang maksimum dan mengambil peluang ke atas pelaburan dan peluang baru. Risiko kecairan adalah risiko Unit Amanah menghadapi kesulitan untuk mendapatkan dana bagi memenuhi komitmen kewangan.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 FEBRUARI 2008**

(c) Risiko Spesifik

Risiko spesifik adalah risiko yang dialami melalui pelaburan terhadap syarikat-syarikat yang mengalami perubahan dalam prestasi perniagaan, citarasa dan permintaan pengguna, tindakan undang-undang dan amalan pengurusan. Risiko ini boleh dikurangkan melalui kepelbagaian dalam pelaburan dan sekatan pelaburan yang digariskan oleh Garispanduan Tabung Unit Amanah.

(d) Risiko Kadar Faedah

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garispanduan dan polisi pelaburan serta semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran. Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah akan berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah diubahsuai dengan penilaian semula pelaburan dan ianya disediakan menurut Piawaian Perakaunan Malaysia diterimapakai secara amnya dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

(b) Saham Tersiarharga

Saham tersiarharga adalah dinilai menurut harga penutup pasaran di Bursa Malaysia pada tarikh kewangan berakhir. Saham tersiarharga yang digantung penyenaraianya dinilai pada sifar menurut nilai saksama.

(c) Pendapatan Dividen

Kiraan dividen-dividen dari pelaburan ditetapkan mengikut asas akruan sebaik sahaja harga saham syarikat berkenaan dicatat "XD" (tanpa dividen) di Bursa Malaysia.

(d) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah adalah diambilkira berdasarkan asas akruan.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 FEBRUARI 2008**

(e) Keuntungan/(Kerugian) dari Penjualan Pelaburan

Kos yang diambilkira bagi menentukan keuntungan/(kerugian) dari penjualan pelaburan adalah berdasarkan kepada kos purata wajaran.

(f) Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi

Keuntungan/(Kerugian) belum direalisasi mewakili keuntungan/(kerugian) akibat daripada penilaian sekuriti yang disebut harga pada nilai pasaran.

(g) Penjadian dan Perlucutan Unit

Penerimaan dari penjadian unit dan pembayaran atas perlucutan unit adalah berdasarkan nilai pasaran unit yang terdiri dari bahagian modal dan bahagian pendapatan pada tarikh penjadian atau perlucutan berkenaan.

(h) Pengimbangan Agihan

Pengimbangan agihan diambilkira pada tarikh penjadian dan perlucutan berdasarkan purata jumlah pendapatan yang boleh diagihkan termasuk dalam harga penjadian dan perlucutan unit.

(i) Tunai dan Tunai Sebentuk

Tunai dan tunai sebentuk meliputi wang di bank dan simpanan wang jangka pendek dengan bank dan institusi kewangan berlesen.

(j) Instrumen Kewangan

Aset dan Liabiliti kewangan yang dinyatakan dalam Lembaran Imbangan adalah merangkumi tunai di bank, pelaburan sekuriti saham tersiarharga, simpanan di institusi-institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Polisi perakaunan tentang perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan atau kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan atau kerugian dari pelaburan.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 FEBRUARI 2008**

4. PELABURAN

Butir-butir adalah seperti berikut:-

	<u>2008</u> RM	<u>2007</u> RM
(a) Saham tersiarharga @ jumlah kos	2,933,989	2,862,388
Lebihan nilai pasaran	380,835	693,362
Nilai Pasaran	3,314,824	3,555,750
(b) Simpanan wang jangka pendek	667,493	557,296
Jumlah Pelaburan	3,982,317	4,113,046

Senarai Pelaburan adalah seperti di Jadual A.

5. SIMPANAN WANG JANGKA PENDEK

Simpanan wang jangka pendek adalah meliputi simpanan tetap di dalam institusi kewangan berlesen seperti berikut:

	<u>2008</u> RM	<u>2007</u> RM
Bank Pelaburan	667,493	557,296

Purata kadar faedah sepanjang tahun kewangan dan purata tempoh akan matang simpanan pada tarikh penutup kewangan adalah seperti berikut:

	<u>Purata Kadar Faedah %</u>	<u>Purata Tempoh Akan Matang Hari</u>
Bank Pelaburan	3.40	14

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 FEBRUARI 2008**

6. PENGAGIHAN

Peruntukan ini merupakan pengagihan (akhir) yang disyorkan sebanyak 3.50 sen (bersih) (kasar 4.04 sen) seunit [2007: Tiada pengagihan tunai] yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit bagi tahun kewangan berakhir 15 Februari 2008 selaras dengan objektif Tabung. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit dalam edaran pada 15 Februari 2008.

Pengagihan kepada Pemegang Unit adalah seperti berikut:-

	2008	2007
	RM	RM
Dividen kasar	118,250	-
Faedah	28,142	-
Keuntungan dari penjualan pelaburan	407,462	-
Pendapatan Pelbagai	31	-
Pengimbangan Agihan	76,440	-
Rizab Pengagihan Tahun Semasa	(349,867)	-
	280,458	-
Perbelanjaan	(87,071)	-
Cukai	(25,842)	-
	167,545	-
Unit dalam edaran	4,787,000	-
Pengagihan kasar seunit (sen)	4.04	-
Pengagihan bersih seunit (sen)	3.50	-

7. NILAI ASET BERSIH

Nilai Aset Bersih diambilkira setelah menolak jumlah liabiliti Tabung daripada jumlah aset Tabung.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 FEBRUARI 2008**

8. MODAL UNIT BERSIH

	<u>2008</u>		<u>2007</u>	
	Unit	RM	Unit	RM
Baki dibawa ke hadapan	5,025,900	5,915,815	4,494,000	5,824,444
Pejadian dalam tahun	-	-	127,000	156,855
	5,025,900	5,915,815	4,621,000	5,981,299
Perlucutan dalam tahun	(238,900)	(310,146)	(52,000)	(65,484)
	4,787,000	5,605,669	4,569,000	5,915,815
Unit pecahan pada nisbah 1:10	-	-	456,900	-
Baki pada 15 Februari	4,787,000	5,605,669	5,025,900	5,915,815

Saiz maksimum Tabung yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti adalah sebanyak 20,000,000 unit.

9. RIZAB BELUM DIREALISASI

	<u>2008</u> RM	<u>2007</u> RM
Baki dibawa ke hadapan	693,362	(360,848)
(Penurunan)/Peningkatan nilai pasaran dalam tahun	(312,527)	1,054,210
Baki pada 15 Februari	380,835	693,362

10. YURAN PENGURUS

Yuran yang dibayar kepada Pengurus, ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD adalah dikira secara harian berdasarkan 1.5% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran pengurusan dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

11. YURAN PEMEGANG AMANAH

Yuran yang dibayar kepada Pemegang Amanah, Amanah Raya Berhad adalah dikira secara harian berdasarkan 0.1% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran pengurusan dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 FEBRUARI 2008**

12. CUKAI

	<u>2008</u> RM	<u>2007</u> RM
Peruntukan cukai semasa	(24,651)	(23,060)
Peruntukan terlebih tahun taksiran terdahulu	(243)	-
Peruntukan terlebih tahun semasa	(948)	-
	<u>(25,842)</u>	<u>(23,060)</u>

Cukai adalah dikenakan pada kadar cukai 26% [2007: 27%] ke atas pendapatan bercukai dividen setelah ditolak perbelanjaan dibenar pada kadar 10%.

Pengiraan peruntukan cukai semasa di mana amaun diselaraskan seperti berikut:-

	<u>2008</u> RM	<u>2007</u> RM
Keuntungan/(Kerugian) sebelum cukai	466,814	(176,867)
Cukai Malaysia @ 26% [2007: 27%]	(121,372)	47,754
Kesan cukai dari pendapatan yang tidak dikenakan cukai	117,217	(52,528)
Kesan cukai dari perbelanjaan yang tidak dibenar	(20,496)	(18,286)
Peruntukan cukai semasa	(24,651)	(23,060)
Peruntukan terlebih tahun taksiran terdahulu	(243)	-
Peruntukan terlebih tahun semasa	(948)	-
	<u>(25,842)</u>	<u>(23,060)</u>

13. KEPENTINGAN PENGURUS DAN PENGARAH-PENGARAH

Butir-butir kepentingan Pengurus dan Pengarah-Pengarah Syarikat di dalam Tabung ini adalah seperti berikut:-

	<u>2008</u>	<u>2007</u>
(a) <u>Unit Pegangan</u>		
ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD	17,394.80 unit bernilai RM16,043.22	24,026.56 unit bernilai RM22,409.57
Pengarah-Pengarah	Tiada	Tiada

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 FEBRUARI 2008**

(b) <u>Perbelanjaan</u>	2008	<u>2007</u>
Yuran Pengurus yang telah dibayar dan terakru	RM70,010	RM59,450

Urusniaga-urusniaga di antara Tabung dan Pengurus serta pihak berkaitan dijalankan berdasarkan transaksi perniagaan yang normal.

14. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN (NPP)

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:-

	2008	<u>2007</u>
$\text{NPP} = \frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang didapatkan balik}}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga}} \times 100$	1.87%	2.01%

Nisbah jumlah bayaran yuran dan perbelanjaan Tabung berbanding nilai purata harian Tabung bagi tahun kewangan berakhir adalah bertepatan dan munasabah.

15. PUSING GANTI PORTFOLIO (PGP)

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:-

	2008	<u>2007</u>
$\text{PGP} = \frac{\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan}}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga}} / 2$	0.58 kali	0.69 kali

Nisbah pusingan bagi jumlah purata kos belian dan jualan pelaburan berbanding nilai purata harian Tabung bagi tahun kewangan berakhir adalah bertepatan dan munasabah.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
15 FEBRUARI 2008**

**16. URUSNIAGA DENGAN BROKER/DEALER
(16/02/2007 - 15/02/2008)**

Nama Broker/Dealer	Nilai Transaksi RM	%	Komisen & Fi RM	%
OSK Investment Bank Bhd.	949,563	17.50	3,457	16.70
BIMB Securities Sdn. Bhd.	947,440	17.46	3,715	17.94
CIMB Investment Bank Bhd.	773,761	14.26	2,935	14.18
KAF-Seagroatt & Campbell Securities Sdn. Bhd.	634,656	11.69	2,481	11.98
Affin Investment Bank Bhd.	558,266	10.29	2,157	10.42
MIDF Amanah Investment Bank Bhd.	439,561	8.10	1,716	8.29
Aseambankers Malaysia Bhd.	423,187	7.80	1,645	7.95
ECM-Libra Investment Bank Bhd.	340,000	6.26	1,186	5.73
AmlInvestment Bank Bhd.	206,018	3.80	806	3.89
Alliance Investment Bank Bhd.	154,344	2.84	605	2.92
Jumlah Transaksi	5,426,796	100.00	20,703	100.00

JADUAL A

SENARAI PELABURAN PADA 15 FEBRUARI 2008

BIL.	NAMA SYARIKAT	JUMLAH SAHAM	JUMLAH KOS RM	NILAI PASARAN RM	PERATUS
					NILAI PASARAN KE ATAS NILAI ASET BERSIH %
A SAHAM TERSIARHARGA					
PAPAN UTAMA					
BARANGAN INDUSTRI					
1	Java Incorporated Bhd	70,000	238,233	97,300	2.2
2	Shell Refining Co. (F.O.M) Bhd	10,000	97,351	117,000	2.6
3	YTL Cement Bhd	80,000	241,658	396,800	9.0
	Jumlah Kecil		577,242	611,100	13.8
PEMBINAAN					
1	IJM Corporation Bhd	11,000	82,714	85,250	1.9
2	Muhibbah Engineering (M) Bhd	100,000	369,290	328,000	7.5
3	WCT Engineering Bhd	36,666	103,366	164,264	3.7
4	YTL Corporation Bhd	20,000	136,400	159,000	3.6
	Jumlah Kecil		691,770	736,514	16.7
DAGANGAN/ PERKHIDMATAN					
1	Sime Darby Bhd	15,600	133,268	190,320	4.3
2	Tenaga Nasional Bhd	45,000	501,588	416,250	9.4
3	Telekom Malaysia Bhd	20,000	196,569	230,000	5.2
4	Transmile Group Bhd	25,000	103,615	54,750	1.3
	Jumlah Kecil		935,040	891,320	20.2
KEWANGAN					
1	Bumiputra-Commerce Holdings Bhd	15,000	161,590	159,000	3.6
2	Panglobal Bhd	40,000	1	0	0.0
3	RHB Capital Bhd	33,000	170,520	169,950	3.9
	Jumlah Kecil		332,111	328,950	7.5

JADUAL A

SENARAI PELABURAN PADA 15 FEBRUARI 2008

BIL.	NAMA SYARIKAT	JUMLAH SAHAM	JUMLAH KOS RM	NILAI PASARAN RM	PERATUS
					NILAI PASARAN KE ATAS NILAI ASET BERSIH %
A SAHAM TERSIARHARGA					
PAPAN UTAMA					
PERLADANGAN					
1	Hap Seng Plantations Holdings Bhd	35,000	99,331	111,300	2.5
2	Kuala Lumpur Kepong Bhd	25,200	157,522	476,280	10.8
3	TH Plantations Bhd	48,000	140,973	159,360	3.6
	Jumlah Kecil		397,826	746,940	16.9
	Jumlah Saham Tersiarharga		2,933,989	3,314,824	75.1
	Keuntungan Belum Direalisasi		380,835		
			3,314,824		
B SIMPANAN WANG JANGKA PENDEK				667,493	15.1
				3,982,317	90.2

C SAHAM DIGANTUNG DAN/ATAU DINYAHSENARAI DARI BURSA MALAYSIA

NAMA SYARIKAT	JUMLAH SAHAM	KOS ASAL RM	NILAI PASARAN RM
Panglobal Bhd (PN4)	40,000	1	0

Saham ini merupakan saham tersiarharga yang digantung penyenaianya di mana kos saham telah dinilai kepada RM1 dan harga pasaran telah dinilai kepada sifar menurut nilai saksama seperti yang telah disahkan oleh Juruaudit dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah.

**PENCAPAIAN DANA BAGI
JANGKAMASA 3 TAHUN**

Komposisi Tabung	Tahun Kewangan Berakhir 15 Februari		
	2008	2007	2006
Sektor (%)			
Barangan Pengguna	-	3.5	8.5
Barangan Industri	13.8	17.6	22.4
Pembinaan	16.7	1.8	6.3
Dagangan & Perkhidmatan	20.2	30.0	35.3
Kewangan	7.5	9.0	2.8
Perladangan	16.9	14.0	0.8
Derivatif Tersiarharga	-	-	2.2
Instrumen Pasaran Wang/dll	24.9	24.1	21.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0
Maklumat Prestasi			
Nilai Aset Bersih (NAB)-xD (RM'000)	4,415	4,688	3,770
Unit Dalam Edaran ('000)	4,787	5,026	4,494
Nilai Aset Bersih seunit-xD (RM)	0.9223	0.9327	0.8390
Harga Jualan seunit -xD (RM)	0.9822	0.9933	0.8935
Harga Belian seunit -xD (RM)	0.9223	0.9327	0.8390
Harga Jualan seunit -xD (Tertinggi: 16/2 - 15/2) (RM)	1.0748	1.0860	1.0171
(Terendah: 16/2 - 15/2) (RM)	0.8971	0.8513	0.8935
Harga Belian seunit -xD (Tertinggi: 16/2 - 15/2) (RM)	1.0140	1.0245	0.9550
(Terendah: 16/2 - 15/2) (RM)	0.8423	0.7993	0.8390
Saiz Purata Dana (RM'000)	4,666	3,960	3,959
Jumlah Perbelanjaan (RM'000)	87	80	74
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) (%)	1.87	2.01	1.86
Kos Purata Jualan & Belian (RM'000)	2,724	2,727	4,109
Pusing Ganti Portfolio (PGP) (kali)	* 0.58	0.69	1.04

* Kadar PGP bagi tahun kewangan semasa merosot sebanyak 15.9% berbanding tahun lepas disebabkan pegangan yang berterusan dalam stok terpilih dari sektor-sektor barangan industri, barangan pengguna, kewangan, pembinaan dan perladangan ekoran dari kenaikan dalam pasaran saham yang memerlukan pegangan berterusan saham-saham berkualiti untuk memanfaatkan prestasi positif pasaran saham. Dalam masa yang sama, saiz dana adalah kecil di mana strategi dagangan aktif (peratusan PGP yang tinggi) adalah tidak sesuai dan berisiko tinggi.

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.

PENCAPAIAN DANA BAGI JANGKAMASA 3 TAHUN

Prestasi Tabung

* Jumlah Pulangan

- Pertumbuhan Modal (sen)	(1.0)	18.7	(11.6)
- Pengagihan pendapatan (sen)	3.5	-	5.5
(sen)	2.5	18.7	(6.1)

* Purata Pulangan Tahunan

- Setahun (sen)	2.5 /	2.6%
- Dua Tahun (sen)	15.8 /	12.8% #
- Tiga Tahun (sen)	8.5 /	6.1% #
- Sejak Tabung dilancarkan (sen) [Tarikh Pelancaran: 28/12/1972]	12.4 /	12.4%

Tahun Kewangan Berakhir 15 Februari		
2008	2007	2006
(1.0)	18.7	(11.6)
3.5	-	5.5
2.5	18.7	(6.1)
2.5 /	2.6%	
15.8 /	12.8% #	
8.5 /	6.1% #	
12.4 /	12.4%	
# Sumber: Lipper		

* Penyelarasan:

Unit pecahan atas nisbah 0.2638:10 pada 15/02/2000
Unit pecahan atas nisbah 1:10 pada 15/02/2004
Unit pecahan atas nisbah 1:10 pada 15/02/2007

Prestasi IK KL (Sumber: Bloomberg)

IK KL	Setahun	Dua Tahun	Tiga Tahun
Kadar Peningkatan	13.4%	53.8%	41.1%

Pengagihan Pendapatan [Sen Seunit]

Tarikh/Tahun	15 Februari		
	2008	2007	2006
Pengagihan Tunai Bersih (sen)	3.50	-	5.5
Kasar (sen)	4.04	-	6.1

Unit Pecahan [Nisbah Seunit]

Tarikh/Tahun	15 Februari		
	2008	2007	2006
Nisbah Unit Pecahan	-	1:10	-

NOTA:

Unit Pecahan (jika ada) tidak layak menerima pengagihan pendapatan untuk tahun kewangan semasa.

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga Unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.

Sila rujuk muka surat 31 - 32 bagi asas pengiraan.

ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA

1. Kandungan Portfolio

Kandungan portfolio adalah dikira mengikut harga penutup pasaran pada setiap 15 Februari.

2. Kaedah Harga Tunggal (SPR)

Berkuatkuasa 1 Julai 2007, Kaedah Harga Tunggal (SPR) telah digunakan bagi menggantikan kaedah Dwipenetapan Harga (*Dual Pricing*). Melalui kaedah ini, penjualan, pembelian balik, perlucutan dan penjadian unit-unit oleh Pengurus akan dilaksanakan pada Nilai Aset Bersih (NAB) seunit pada penutup hari urusniaga. Yuran kemasukan/pengeluaran (jika ada) akan dikira secara berasingan berdasarkan NAB pelaburan unit-unit anda.

3. Nilai Aset Bersih (NAB)

NAB diambilkira setelah menolak jumlah nilai liabiliti Tabung daripada jumlah nilai aset Tabung pada penutup hari urusniaga. NAB seunit di perolehi dengan membahagikan NAB dengan unit dalam edaran pada tarikh yang sama.

4. Harga Jualan Seunit

Harga jualan seunit ialah harga yang dijual oleh Pengurus kepada pemegang unit dengan mengambilkira NAB pada penutup hari urusniaga dibahagi dengan bilangan unit dalam pusingan pada hari tersebut dan dikenakan caj jualan tidak melebihi 6.5%. Walau bagaimanapun, berkuatkuasa 1 Januari 2008, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah menghadkan caj jualan ke atas pelabur-pelabur di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP kepada tidak melebihi 3%.

5. Harga Belian Seunit

Harga belian seunit ialah harga yang sedia dibeli oleh Pengurus daripada pemegang unit yang ingin menjual kembali unit-unit pelaburan mereka pada harga NAB Tabung.

6. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP)

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:

$$\text{NPP} = \frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang didapatkan balik}}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga}} \times 100$$

7. Pusing Ganti Portfolio (PGP)

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:

$$\text{PGP} = \frac{(\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan})}{2} \div \text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga}$$

**ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI
DAN PENCAPAIAN DANA**

8. Jumlah Pulangan

Jumlah pulangan ialah jumlah pulangan pendapatan bersih dan pertumbuhan nilai modal dikira seperti berikut:-

$\frac{\text{NAB (cD bagi tahun kewangan semasa)} - 1}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$
(selepas penyelarasan unit-unit pecahan sekiranya ada)

9. Pengagihan Pendapatan (Jika ada)

Pengagihan pendapatan kasar adalah pengagihan tunai sebelum cukai dalam tahun kewangan, manakala pengagihan pendapatan bersih adalah pengagihan tunai selepas peruntukan cukai.

$\frac{\text{Pengagihan tunai bersih di dalam tahun kewangan}}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$
(selepas penyelarasan unit-unit pecahan sekiranya ada)

10. Pertumbuhan Modal

Pertumbuhan modal dikira dengan mengambil perbezaan jumlah pulangan dan jumlah pulangan pendapatan.

11. Purata Pulangan Tahunan

Purata pulangan tahunan ialah jumlah pulangan pendapatan dan pertumbuhan nilai modal dibahagi dengan bilangan tahun selepas penyelarasan Unit-Unit Pecahan (jika ada).

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. PEMBAYARAN PENGAGIHAN (JIKA ADA)

Waran-waran pengagihan (jika ada) dihantar kepada anda dalam jangkamasa dua (2) bulan selepas tarikh tutup tahun kewangan. Waran-waran tersebut sah laku selama enam (6) bulan dari tarikh pengeluaran. **Anda dinasihatkan menunaikan waran-waran pengagihan dengan segera. Harap ambil perhatian bahawa waran-waran pengagihan yang tidak ditunaikan selepas enam (6) bulan dari tarikh pengeluarannya akan dilaburkan semula mengikut harga jualan pada penutup hari kelima belas (15) bulan berikutnya atau tarikh lebih awal sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pengurus.**

2. MELABURKAN SEMULA PENGAGIHAN

Bagi pelaburan semula pengagihan, anda boleh memilih samada untuk menerima waran pengagihan, cek atau melabur semula pada harga jualan, tiga puluh (30) hari selepas tamat tempoh kewangan Tabung. Anda boleh melabur semula dengan membuat pilihan yang sesuai di dalam Borang Permohonan atau memberi arahan kepada Pengurus secara bertulis atau melalui faks. Pengurus akan bertindak berdasarkan arahan yang dibuat secara bertulis sebelum tarikh pengagihan. **Walaupun bagaimanapun, untuk pengagihan yang bernilai kurang dari RM50.00, ianya akan dilaburkan semula secara automatik pada nilai NAB, tiga puluh (30) hari selepas tamat tempoh kewangan Tabung.**

3. PERTUKARAN KE LAIN-LAIN TABUNG

Semua pemegang-pemegang unit tabung sedia ada yang diuruskan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD diberi kemudahan untuk menukar tabung yang disertai ke lain-lain tabung (kecuali Amanah Saham Pekerja-Pekerja TNB) tanpa dikenakan caj jualan. Unit akan ditebus dan hasil jualan tersebut dibelikan unit bagi tabung unit amanah yang baru berasaskan NAB seunit mengikut harga hadapan ketika permohonan diterima. Tiada had bagi pertukaran antara tabung-tabung kecuali ASM Syariah Money Market Fund (SMMF). Disamping itu tiada bayaran dikenakan bagi transaksi pertama hingga transaksi keempat, namun bayaran minimum fi pentadbiran bagi memproses permohonan ialah RM10.00 untuk transaksi kelima dalam satu-satu tahun kalendar. Tiada fi pentadbiran dikenakan untuk pertukaran tabung yang melibatkan SMMF, sama ada dari SMMF ke lain-lain tabung atau sebaliknya. Namun demikian, pertukaran tabung ini hanya dihadkan sebanyak lima (5) kali sahaja dalam setahun. Pertukaran minimum bagi setiap transaksi hendaklah tidak kurang daripada 100 unit. **Urusan pertukaran tabung ini tidak dibenarkan melalui ejen.**

MAKLUMAT TAMBAHAN

4. KEMUDAHAN MENAMBAH MODAL MELALUI BANK (AUTODEBIT)

ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD menyediakan kemudahan pelaburan secara tetap setiap bulan melalui Arahan Bank (Autodebit) menerusi Bank Simpanan Nasional, Malayan Banking Berhad, CIMB Bank Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Pelaburan minimum setiap arahan ialah sebanyak RM50.00 pada tiap-tiap bulan.

5. MENUKAR MILIK

Unit-unit anda boleh ditukar milik kepada orang lain dengan menggunakan borang tukar milik yang boleh diperolehi di pejabat kami. Pembeli atau penerima milik akan dikenakan bayaran tidak melebihi RM10.00 untuk mendaftar unit-unit tersebut atas namanya.

MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN

Pejabat Wilayah:

Sabah/Sarawak

No. 59, Tingkat Satu
Jalan Tun Jugah
93350 Kuching
Tel: (082) 464402 Faks: (082) 464404
H/P: (013) 8230645 (John Nyaliaw)

Pejabat Agensi Ipoh:

Encik Md Bahrin bin Ibrahim

Pusat Inkubator, Tingkat 5, Bangunan Sri Kinta
Jalan Sultan Idris Shah, 30000 Ipoh
H/P: (012) 5720019
E-mel: bahrinasmara_49@yahoo.com

Pejabat Agensi Pasir Gudang:

Encik Abd Halim bin Mokri

No. 13A, Jalan Cendana 1
Taman Cendana
81700 Pasir Gudang
Tel/Faks: (07) 2525659 H/P: (013) 7705659
E-mel: halimokri@yahoo.com

Pejabat Agensi Johor Bahru:

Encik Zulkifli bin Ab. Kadir

4-01, Jalan Susur Larkin Perdana 2
Taman Larkin Perdana
80350 Johor Bahru
Tel: (07) 2352902 H/P: (019) 7361015
Faks: (07) 2369902
E-mel: zul_jb@tm.net.my

MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN

Pejabat Agensi Bintulu:

Puan Jamilah bt Basri @ Sahari
Tingkat 1 Shoplot 3, Lot 3743
Medan Jaya Commercial Centre
Jalan Tun Hussein Onn
97000 Bintulu
H/P: (019) 8542731 Faks: (086) 312821

Pejabat Agensi Batang Kali:

Puan Fauziah bt Che Ismail
No. 43-A, Jalan Meranti 2B, Seksyen 3
Bandar Utama Batang Kali
44300 Batang Kali
Tel: (03) 60574142 Faks: (03) 60574023
H/P: (012) 6120874 (013) 3397876 (019) 2307502
E-mel: rosly_asm@yahoo.com

Perkhidmatan Kutipan Pelaburan:

Bank Simpanan Nasional

Ejen Institusi:

Apex Investment Services Berhad

Perkhidmatan Autodebit:

Malayan Banking Berhad
Bank Simpanan Nasional
CIMB Bank Berhad
Bank Muamalat Malaysia Berhad

MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR

Jika ada kemusykilan, sila hubungi sambungan talian Perhubungan Pelabur:

- ❖ **Pertanyaan/Aduan**
 - Puan Habibah Ahmad - samb. 104
e-mel: habibah@asmb.com.my
- ❖ **Prospektus/Laporan Pengurus**
 - Cik Norazlin Ab Aziz - samb. 108
e-mel: norazlin@asmb.com.my
- ❖ **Urusan Pendaftaran/Jualan/Belian Balik**
 - Puan Salmah Mohd Aris - samb. 127
e-mel: salmah@asmb.com.my
 - Cik Rosnida Othman - samb. 119
e-mel: rosnida@asmb.com.my
- ❖ **Urusan Pelaburan KWSP/Potongan Gaji**
 - Puan Jamiyah Mat Ali - samb. 134
e-mel: jamiyah@asmb.com.my
 - Puan Norhayati Yahya - samb. 113
e-mel: norhayati@asmb.com.my
- ❖ **Urusan Pindahan Pusaka/Hakmilik**
 - Encik Md Nadzri Mahmud - samb. 116
e-mel: nadzri@asmb.com.my
 - Puan Sharifah Khatijah Syed Harun - samb. 116
e-mel: sharifah@asmb.com.my
- ❖ **Penyata Pelaburan/Pertukaran Alamat**
 - Puan Norzana Isa - samb. 120
e-mel: zana@asmb.com.my

PERINGATAN KEPADA BAKAL PELABUR

Laporan ini bukanlah tawaran untuk menjual unit. Bakal pelabur dikehendaki membaca Prospektus Induk dan/atau Prospektus Induk Tambahan Tabung ini dengan teliti sekiranya ingin melabur. Sekiranya anda merasa ragu, sila berunding dengan penasihat pelaburan anda tentang skim ini. Pencapaian Tabung ini pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaiannya pada masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.

PERTUKARAN ALAMAT

Sebarang pertukaran alamat hendaklah diberitahu dengan segera secara bertulis atau sila penuhkan maklumat di bawah dan hantarkan kepada kami dengan segera.

BORANG PERMOHONAN TUKAR ALAMAT

Nama Penuh : _____

No. Kad Pengenalan : _____ (Baru)
_____ (Lama)

Tarikh Lahir : _____

Alamat : _____
Terkini

Nama Tabung : _____

No. Peruntukan (P/T) : _____

No. Telefon : _____ (Pejabat)
_____ (Rumah/Bimbit)

Tarikh

Tandatangan